

Berjimat di kampus

» *Pengurusan wang secara berhemah, elak beli gejet mewah*

Minggu lepas kita telah lihat bagaimana rakan kita, Adam, menguruskan kewangannya dengan bekerja sambilan sebagai jurubank sementara menunggu keputusan peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM).

Minggu ini, kita akan menyusuri kehidupan Adam di kolej dan mempelajari beberapa petua menguruskan wang kita ketika di kolej atau universiti.

Pagi itu, Adam dengan rasa gelisah menuju ke sekolah untuk mengambil keputusan STPM. Akhirnya dia membenarkan diri untuk membuka sampul keputusannya. Masa depannya bergantung pada keputusan itu dan saat yang menebarkan bertukar menjadi saat yang menggembirakannya... dia mendapat "A" dalam semua mata pelajaran.

Dia bersyukur kepada Tuhan kerana doanya selama ini dimakbulkan. Dia meheru ke telefon awam yang terdekat lalu menelefon kedua ibu bapanya untuk menyampaikan berita baik itu.

Kemudian, dia meraikan kejayaannya itu bersama rakan-rakannya yang lain dengan berbelanja makan sambil bersuka ria. Kawan baiknya, Daniel, juga mendapat keputusan cemerlang dan mereka berdua merancang memohon masuk ke universiti sama.

Hari itu, dia berbelanja besar, menjangkau belanjawan makanan hariannya RM10 untuk makan-makan bersama rakan tetapi tidak mengapa kerana keputusan cemerlangnya menjustifikasikannya!

Alam baru

Harinya sudah tiba bagi Adam meninggalkan rumah untuk melanjutkan pelajaran ke universiti. Dia dan kawannya, Daniel, berjaya mendapat tempat di Universiti Malaya untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang perakaunan.

Mereka memang berhasrat melanjutkan pelajaran ke luar negara, malah Adam sudah pun mendapat tawaran daripada universiti terulung di United Kingdom. Namun begitu, mereka terpaksa melupakan hasrat itu kerana kos pengajian di sana adalah di luar kemampuan mereka. Mereka lebih berbangga men-

gatakan bahawa mereka "100 peratus Keluaran Malaysia"!

Mohon PTPN

Adam tidak mahu membebankan ibu bapanya lagi, oleh itu dia memohon pinjaman pengajian di bawah Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN). Jumlah pinjaman ialah RM6,500 setahun bagi program empat tahun, yang membawa kepada jumlah RM26,000.

Ini sepatutnya cukup untuk menampung yuran, penginapan dan makan minumannya, jika dia tinggal di asrama kampus. Malah, ada lagi baki untuk ditekupikan yang mana Adam memutuskan untuk memulakan pelaburan amanah sahamnya yang pertama.

Dia pernah diberitahu mengenai kuasa faedah kompaun ketika bekerja di bank dan tanpa membuang masa lagi dia memulakan pelaburan dengan RM1,000 daripada wang simpanan. Dia juga dapat tahu daripada rakan sekerja mengenai konsep pemurataan kos ringgit, oleh itu dia membuat sumbangan RM100 sebulan kepada pelan simpanan tetap.

Dengan kiraan cepat (sikap semula jadi akauntan!), dia menganggarkan bahawa dia boleh menabung kira-kira RM7,000 apabila habis pengajian jika pelaburan amanah sahamnya memberikan pulangan purata sebanyak 8 peratus setahun. "Ini boleh digunakan untuk bayaran pendahuluan kereta ni," fikirnya sendiri.

Pada hari pertama menghadiri kuliah, dia mendengar profesor bercakap mengenai satu daripada konsep perakaunan yang paling penting - Sikap Berhemah. Ini kali kedua dia mendengar perkataan ini, kali

pertama adalah daripada pengurus bank tempat dia bekerja.

Dalam bidang perakaunan, konsep berhemah menyatakan bahawa "Keuntungan tidak dikira sehingga urusan jualan selesai. Tambahan lagi, sikap berhati-hati diambil menghadapi masalah masa hadapan dan kos perniagaan, iaitu diperuntukkan dalam akaun apabila ada kemungkinan munasabah bahawa kos sedemikian ditanggung kemudian kelak.

Bagaimanapun, apa yang diperkatakan oleh bekas pengurus mengenai amalan sikap berhemah sebagai budaya hidup dan apa yang diucapkan oleh profesornya memang ada kebenarannya. Sikap itu harus dipupuk dalam kehidupan harian dan bukan hanya dalam dunia perniagaan.

Bersedia untuk saat sukar

Kita tidak harus membelanjakan pendapatan masa hadapan kita (yang tidak terjamin) untuk membiayai gaya hidup semasa. Selain itu, kita harus sentiasa bersedia menghadapi saat-saat sukar dengan menyediakan bekalan untuk saat-saat kecemasan. Wah, barulah Adam faham!

Perkara lain yang terlintas di fikirannya semasa mengikuti kuliah itu adalah keperluan dan kepentingan menyediakan belanjawan. Kata profesornya, perniagaan yang berjaya menguruskan aliran tunai mereka dengan berkesan dan mereka memastikan kejayaan ini dengan menyediakan belanjawan.

Malah negara kita pun ada membuat belanjawan setiap tahun, apa lagi sebagai individu, terutama pada waktu seperti ini. Adam teringat tentang Belanjawan Bulanannya sendiri dan mengubahnya seperti berikut:

PENDAPATAN	PERBELANJAAN
Baki Pinjaman Pelajaran 250	Tabung 100
	Pakaian & Hiburan 200
	Hadiah kepada Ibu Bapa 100
	Pengangkutan 100
	Bil Telefon 50
Jumlah Pendapatan 250	Jumlah Perbelanjaan 550

Nota: Pinjaman Pelajaran berjumlah RM6,500 tolak yuran tuisyen, makanan dan penginapan hostel sebanyak RM3,500 > Baki RM3,000 setahun



Alamak! Baru Adam sedari bahawa belanjawannya menunjukkan dia akan kekurangan RM300 setiap bulan. Dia tetap mahu menyimpan RM100 setiap bulan dan memberikan ibu bapanya RM50 setiap seorang.

Perbelanjaan pakaian dan hiburan tidak dapat dielakkan, dan dia fikir RM200 sebulan adalah memadai. Dia juga berhasrat untuk pulang ke rumah sekali sebulan dan pergi bercuti bersama rakan-rakan kursus.

Tanggung sendiri bil telefon

Dia juga baru saja mendapat hadiah berupa telefon bimbit daripada ibu bapanya, namun begitu dia perlu menanggung bil telefonnya sendiri dan memperuntukkan RM50 sebulan untuknya. Jadi, dia perlu memikirkan cara mengatasi kekurangan itu tanpa meminta bantuan kedua-dua ibu bapanya.

Tidak lama kemudian, Adam mendapat tahu daripada pelajar 'senior' bahawa ramai siswazah memberi kelas tuisyen persendirian untuk memperoleh wang saku tambahan. Dia agak

teruja tentang perkara itu dan meminta bantuan pelajar 'senior' untuk mendapatkan beberapa pelajar untuknya.

Kelas tuisyen

Dia mendapat tiga orang murid sekolah rendah sebagai pelajar dan bayarannya adalah RM30 sejam bagi setiap pelajar. Hasilnya, dia mendapat RM360 sebulan dengan hanya meluangkan masa dua belas jam sebulan. Selepas kos pengangkutan tambahan ke rumah pelajarannya ditolak, dia memperoleh pendapatan bersih RM300. Akhirnya, dia dapat mengimbangkan akaunnya!

Adam seorang anak muda yang sungguh rajin dan dia juga bijak belajar, amat berdedikasi mengajar pelajarannya dan bersikap berhati-hati membelanjakan wangnya. Kadangkala, dia keluar minum di warung wayang atau keluar melepak namun dia masih dapat berbelanja mengikut belanjawan yang ditetapkan. Sehingga dia bertemu seorang 'istimewa'. (Terus membaca kisah Adam dalam artikel ketiga daripada 12 artikel minggu depan.